

Headline	Zamshuri tak merajuk lagi		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	05 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	297,950	Readership	2,476,000
Section	Bintang Popular	Color	Full Color
Page No	20	ArticleSize	740 cm ²
AdValue	RM 25,053	PR Value	RM 75,159



Zamshuri tak merajuk lagi

» **Pelakon Skwad Elit**
kembali demi
pesanan arwah bapa

Oleh Oleh Zaidi
Mohamad
zaidim@bh.com.my

Menceburi dunia seni hiburan sekitar 1995, Zamshuri Ramli mengakui pernah memperlahankan kerjaya lakonannya selama dua tahun atas beberapa alasan. Alasan itu termasuklah memberi tumpuan menjaga bapanya, Ramli Zakaria yang uzur. Bapanya meninggal dunia pada Mac 2011.

Malah, dalam tempoh itu juga aktor berbadan sasa yang kini bergelar penyampai radio IKIM fm, selain mengendalikan perniagaan berkaitan latihan dan pembangunan insan berunsur motivasi. Zamshuri juga masih aktif meneruskan kerja sebagai penceramah motivasi bebas yang dilakukan sejak sedekad lalu.

Tempoh dua tahun itu juga diakui Zamshuri yang mula dikenali sebagai pelakon utama drama bersiri *Skuad Elit*, bertimbal balik kepada rasa rajuk yang berbanding di hatinya terhadap industri seni diceburi.

Beliau merajuk kerana kehadiranannya seperti tidak dihargai dan tiada beri sokongan, bukan mengharapkan diberi layanan kelas pertama seperti pelakon popular lain tetapi sedikit pertimbangan yang boleh diterima akal di pihak produksi.

Pertimbangan dimaksudkan ialah mengenai pengurusan beberapa syarikat produksi mengenai beberapa perkara yang sering diambil ringan seperti pengurusan masa dan perjalanan sesebuah produksi dari praproduksi hingga ke peringkat akhir.

“Ikutkan sepanjang tempoh berehat itu ada tawaran yang datang tapi saya tak ambil. Dalam rasa merajuk dan tempoh berehat itu, minat saya dalam dunia seni tak pernah padam. Ayah saya pun ketika hayatnya masih sempat berpesan supaya saya jangan ikutkan rasa rajuk itu sangat.

Pesan arwah bapa

“Kata arwah bapa saya, setiap orang ada keistimewaan dan apa saja kerja itu sudah jadi ibadah. Arwah bapa saya pun sebenarnya rindu nak tengok saya di kaca TV sewaktu saya memilih untuk berehat. Hasratnya itu tak kesampaian dan terbit juga rasa ralat di hari saya.

“Tapi saya tak boleh melawan kehendak takdir yang bapa sudah tiada di muka bumi ini. Tapi, saya gembira kerana dapat menjaga bapa sebelum menghembuskan nafas yang terakhir. Insya-Allah, 2014 umpama ruang

untuk saya buat *comeback* dan kembali aktif dalam lakonan seperti sedia kala,” kata Zamshuri yang ditemui di Balai Berita, baru-baru ini.

Tahun ini saja selain meneruskan kerjaya di IKIM fm sebagai juruhebah sambil, Zamshuri berpeluang mengacarakan program *Titik Sentuhan Nadi Rakyat* yang bersiaran di TV1, drama *Dendam Sarakit* (TV3) dan sedang menanti siaran telefilem berjudul lakonannya berjudul *Seruan Kuda Kepang* terbitan Suhan Movies.

“Insya-Allah, tahun ini juga saya merancang mempromosikan juga single lagu *Ketuhanan* ciptaan sendiri berjudul *Bersyukur*. Lagu ini mengenai perjalanan hidup yang saya lalui dan di sebalik apa terjadi, saya masih boleh bersyukur diberi nyawa meneruskan kehidupan.

“Selain itu, ada juga perancangan saya untuk berkolaborasi sama ada dalam bentuk berduet dengan kumpulan nasyid atau menggunakan khidmat mereka menguruskan rakaman lagu. Kerjaya saya di IKIM fm juga berjalan seperti biasa dan kontrak diperbaharui tahun demi tahun.

“Kerjaya saya sebagai penceramah motivasi dalam pelbagai bidang seperti pengucapan awam, khidmat pelanggan, pemasaran, peningkatan jati diri juga diteruskan seperti lazimnya. Saya juga ada menyentuh hal berkaitan keagamaan tetapi bukanlah seperti pendakwah tanah air,” kata Zamshuri yang banyak berterima kasih kepada Datuk Yusof Haslam yang menjadi insan pertama memberi kepercayaan kepadanya membawa watak antagonis.

Zamshuri melakar jalan dalam dunia hiburan tanah air selepas menang pertandingan *Hero Remaja* (1993), diikuti pada 1994, berpeluang muncul dalam satu jenama iklan komersial serta pernah menyertai *Mānhunt Malaysia* (1995). *Skuad Elit* ialah drama yang berjaya mempopularkan namanya kerana memegang peranan hero sebagai pegawai kastam bernama Zafri.

Skuad Elit mengangkat kisah kehidupan serta cara bekerja kakitangan dan pegawai kastam. Zamshuri juga pernah berlakon dalam filem *Don* versi pertama yang dibintangi Datuk Shah Rukh Khan, selain filem *Misi 11:15* dan *Gerak Khas The Movie 3*.

Headline	Zamshuri tak merajuk lagi		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	05 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	297,950	Readership	2,476,000
Section	Bintang Popular	Color	Full Color
Page No	20	ArticleSize	740 cm ²
AdValue	RM 25,053	PR Value	RM 75,159

Kendali slot Dinihari di IKIM fm

Mengenai pembabitannya sebagai penyampai radio IKIM fm, Zamshuri menjelaskan, ia bermula kerana dirinya ialah pendengar setia stesen radio bersifat Islamik itu. Hendak dijadikan cerita, suatu hari IKIM memerlukan juruhebah sambilan dan atas dasar mencuba dan tergerak hati, bapa kepada tiga anak itu memberanikan diri untuk diuji bakat.

“Sewaktu hari uji bakat, saya hampir patah balik kerana agak gerun melihat ramai orang datang uji bakat dan mereka bukan sembarangan, antaranya ada ilmu agama tinggi dan graduan universiti. Ratusan orang

juga yang datang uji bakat hari itu.

“Saya ingat tak akan dapat tapi tak sangka saya disenarai pendek dan akhirnya berjaya menyertai keluarga besar IKIM fm. Saya melihat penerimaan pendengar IKIM fm termasuk slot kendalian saya setiap Sabtu dan Ahad, dari jam 2 hingga 6 pagi sebagai ruang bermuhasabah diri.

Slot saya di IKIM ialah Dinihari.

“Ia macam isyarat untuk saya berubah menjadi lebih baik. Saya pun dulu bukanlah manusia sempurna... ada sisi jahat juga. Kerjaya di IKIM fm turut memberi manfaat dan bekalan untuk saya meneruskan kehidupan. Ia seperti menambah saham akhirat saya. Insya-

Allah,” katanya yang sudah berkahwin selama 18 tahun.

November lalu, Zamshuri turut bergelar graduan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) pada Majlis Konvokesyen ke-26

Universiti Utara Malaysia (UUM). Penerima lain di kalangan selebriti antaranya ialah Yusanani Yushak, Zehra Zambri, Diddy Hiridy, Emelda Rosmila dan Zed Zaidi.

“Saya juga sudah mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran dalam peringkat ijazah sarjana atau ijazah sarjana doktor falsafah (PhD). Saya belum memikirkkan lagi nak sambung dalam bidang apa. Mungkin komunikasi juga atau berkaitan filem,” kata-

nya yang sudah membintangi 70 drama dan telefilem.

“

IA MACAM ISYARAT UNTUK SAYA BERUBAH MENJADI LEBIH BAIK. SAYA PUN DULU BUKANLAH MANUSIA SEMPURNA”

Zamshuri Ramli,
Penyampai radio

Headline	Zamshuri tak merajuk lagi		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	05 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	297,950	Readership	2,476,000
Section	Bintang Popular	Color	Full Color
Page No	20	ArticleSize	740 cm ²
AdValue	RM 25,053	PR Value	RM 75,159



[FOTO KHAIRUNISAH LOKMAN / B*POP]